

04 DEC 1996

MELAKA LULUS CADANGAN BINA KOMPLEKS WARISAN MELAKA

MELAKA, 4 Dis (Bernama) -- Kerajaan negeri telah membatalkan cadangan projek 101 buah muzium, sebaliknya meluluskan cadangan pembinaan kompleks sejarah yang komprehensif, Kompleks Warisan Melaka, di Bandar Hilir di sini yang dianggar bernilai antara RM600 juta dan RM800 juta.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani hari ini berkata pembinaan kompleks itu dijadualkan bermula tahun depan dan siap menjelang tahun 2000.

"Komplek itu juga boleh dijadikan sebuah muzium yang komprehensif merangkumi 60 peratus projek berunsurkan sejarah dan 40 peratus projek komersil," katanya kepada pemberita selepas Istiadat Mengangkat Sumpah Yang Dipertua Negeri.

Mohd Zin berkata dengan kelulusan projek itu, cadangan Perbadanan Muzium Melaka (Perzim) bagi mewujudkan 101 muzium tidak akan diteruskan.

"Muzium yang ada sekarangpun tidak dikendalikan dengan baik sehingga ada yang rosak dan bocor...bagaimana nak teruskan projek 101 muzium di negeri ini," katanya.

Kerajaan negeri akan membuat tawaran tender terbuka bagi pembinaan Kompleks Warisan Melaka dengan keutamaan diberikan kepada syarikat yang mengadakan kerjasama dengan anak syarikat kerajaan negeri.

Beliau berkata walaupun ada syarikat tempatan yang akan mengadakan kerjasama dengan syarikat luar, sekurang-kurangnya 30 peratus daripada kerja pembinaan perlu diserahkan kepada anak syarikat kerajaan negeri atau syarikat tempatan.

"Apabila siap kelak kerajaan negeri akan memajakkan kompleks itu dalam tempoh 30 tahun dan dalam masa yang sama kerajaan juga mempunyai ekuiti sebanyak 30 peratus," katanya.

Mohd Zin berkata beliau telah merujuk kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad, kerajaan persekutuan dan Kementerian Kewangan mengenai projek pembinaan kompleks berkenaan.

Pada perkembangan lain, Mohd Zin berkata kerajaan negeri akan mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Pusat bagi mendapatkan hak ke atas barang purba yang ditemui dari bangkai kapal "Royal Nanhai" di perairan berhampiran Mersing, Johor 24 Okt lepas.

"Kerajaan Melaka berpendapat jika barang purba yang mempunyai kaitan sejarah dengan negeri ini...sebahagiannya perlu diserahkan kepada Perzim untuk dipamerkan," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Stan Sjostrand, rakyat Sweden yang mengetuai kerja salvaj terhadap bangkai kapal Royal Nanhai bahawa beliau akan mengadakan perbincangan terus dengan Kerajaan Pusat.

"Kerajaan negeri tidak menghalang sekiranya Stan mahu mengadakan perbincangan terus dengan kerajaan Pusat tetapi berharap supaya barang purba yang telah disimpan di Perzim sebahagiannya diserahkan kepada kerajaan negeri," katanya.

Polis dilaporkan masih menjalankan siasatan terhadap kes itu ekoran rampasan beribu keping seramik bernilai berjuta ringgit dalam sebuah stor di jeti pendaratan ikan di Mersing. -- BERNAMA

MYD NMO